

# Pengaruh televisyen boleh beri kesan negatif jika tidak dikawal

BERITA HARIAN 01/02/2010 M/S 30

Oleh Masmawi Abdullah

ahnews@bharian.com.my

**T**ELEVISYEN (TV) adalah media elektronik yang paling berpengaruh dalam kehidupan kita. TV ketika ini amat mudah diperolehi di mana-mana saja. Bahkan setiap rumah memiliki sekurang-kurangnya satu set TV. Kewujudan TV satelit pula menjadikannya sesuatu yang sukar dilepaskan oleh peminatnya.

Dalam negara kita, TV menghadirkan pelbagai pilihan siaran untuk penggemarnya. Kita juga mempunyai siaran televisyen yang dipancarkan daripada satelit. Ini meluaskan lagi fungsi TV itu sendiri. Ia amat berbeza ketika mula-mula TV itu diperkenalkan di negara kita.

Ketika itu TV adalah satu-satunya media elektronik yang paling canggih dan paling dihargai dalam

menyampaikan maklumat. Islam amat menyokong unsur kebaikan yang dibawa oleh TV. Apa saja yang membawa kebaikan dan manfaat kepada manusia adalah sesuatu yang sememangnya digalakkan oleh Islam itu sendiri.

Selagi ia tidak bertentangan dengan kaedah dasar Islam, ia tetap dibolehkan menggunakannya. Dalam keadaan tertentu pula, alat komunikasi seperti TV ini boleh dianggap wajib penggunaannya kerana ada 'masalah' dengan penggunaannya seperti dalam suasana peperangan dan darurat. Umat Islam akan berada dalam keadaan bahaya dan membimbangkan jika mereka tidak memanfaatkan sumber maklumat ini.

Namun begitu, suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan di zaman ini ialah TV lebih daripada satu sumber hiburan yang amat ketara. Barangkali tidak keterlaluan

jika TV diistilahkan sebagai 'walaupun dalam rumah'. Seseorang itu tidak perlu menghabiskan waktu ke sana ke mari semata-mata untuk mendapat sumber hiburan. Memadai dengan hanya memiliki set TV di rumah.

Setiap program TV yang berbentuk maklumat, tidak lagi menjadi tumpuan. Sebaliknya rancangan berbentuk hiburan, jenaka, drama, aksi, cinta muzik, kartun, dan seumpamanya itulah yang menjadi kegemaran pelbagai peringkat. Akibatnya TV disalahgunakan. Tidak kira lelaki atau perempuan, tua atau muda mahupun kanak-kanak, sanggup duduk berjam-jam di depan TV.

Masa diibaratkan lebih mahal daripada emas itu, dihabiskan begitu saja di depan TV. Apatah lagi dengan ada siaran TV 24 jam. Masa yang Allah susun untuk manusia beribadah, bekerja, mencari ilmu,

makan dan berehat, kesemuanya dikorbankan untuk TV.

Alat TV itu sendiri tidak salah untuk digunakan. Persoalannya ialah apa yang dipaparkan oleh TV itu sendiri. Rancangan TV yang pelbagai kategori itulah yang harus dipersoalkan. Jika sesuatu rancangan itu lebih membawa keburukan sama ada bagi jangan pendek atau jangka panjang, maka mengambil manfaat daripadanya adalah ditegah, terutama yang mempunyai pengaruh barat.

Keruntuhan moral di kalangan masyarakat Melayu kini semakin dahsyat dan cukup kronik hari demi hari. Tidak syak lagi TV adalah salah satu punca penyumbang kepada gejala itu. Bangsa Melayu yang terkenal dengan adab sopan, berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada agama sudah berubah akibat pengaruh TV. Ia mencorak kehidupan dan pemikiran mereka.

“Alat TV itu sendiri tidak salah untuk digunakan. Persoalannya ialah apa yang dipaparkan oleh TV itu sendiri. Rancangan TV yang pelbagai kategori itulah yang harus dipersoalkan. Jika sesuatu rancangan itu lebih membawa keburukan sama ada bagi jangan pendek atau jangka panjang”